

## **PENERIMAAN PENGGUNAAN APLIKASI E-MIMAS DI KALANGAN PENTADBIR KEWANGAN MASJID: KAJIAN PENEROKAAN**

**Norman Hamdan<sup>1</sup>, Asharaf Mohd. Ramli<sup>1</sup>, Abdullaah Jalil<sup>1</sup>,  
Mohammad Aizzuddin Abd Aziz<sup>2</sup>, Asmaddy Haris<sup>1</sup>**

<sup>1</sup> Fakulti Ekonomi dan Muamalat, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia

<sup>2</sup> Pusat Pengajian Teras, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia

Corresponding Author: Norman bin Hamdan, Fakulti Ekonomi dan Muamalat, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Email: nhamdan@usim.edu.my

### **Abstrak**

Pengurusan dan pelaporan kewangan adalah isu penting bagi mana-mana organisasi atau institusi termasuk masjid yang menguruskan sumber kewangan yang diperolehi daripada orang ramai. Sebagai satu institusi Islam dan tidak berasaskan keuntungan (*NPO*), satu kaedah pelaporan kewangan yang sesuai bagi masjid adalah satu keperluan yang sangat penting. Sistem E-MIMAS secara atas talian (*online*) telah dibangunkan oleh sekumpulan penyelidik Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) bagi membantu institusi masjid menyediakan laporan kewangan sesuai dengan objektif organisasi yang tidak berasaskan keuntungan. Kaedah pelaporan kewangan di dalam sistem E-MIMAS juga mematuhi kehendak shariah dari sudut pengasingan pelaporan antara dana umum dan dana khusus yang diuruskan oleh pihak masjid. Kajian penerokaan ini bertujuan untuk mengenalpasti tahap penerimaan penggunaan sistem E-MIMAS di kalangan pentadbir kewangan masjid. Dalam kajian penerokaan ini, sebanyak dua buah masjid dan satu surau telah diberikan akses penggunaan kepada sistem E-MIMAS sekurang-kurangnya untuk tempoh dua bulan. Selepas tempoh percubaan menggunakan sistem tersebut, sesi temubual telah dijalankan bersama pentadbir kewangan masjid-masjid berkenaan untuk mendapatkan maklumbalas mereka tentang penggunaan E-MIMAS. Kemudahan untuk akses secara atas talian dengan pelbagai jenis peranti, mudah digunakan dan pelaporan dana umum dan khusus secara berasingan adalah antara faktor yang menyebabkan peserta kajian berminat untuk terus menggunakan

---

sistem tersebut. Maklumbalas yang diperolehi telah membantu penyelidik untuk membuat penambahbaikan yang diperlukan ke atas sistem E-MIMAS agar penggunaannya secara menyeluruh pada masa akan datang oleh masjid-masjid di Malaysia dapat menghasilkan pelaporan kewangan masjid yang lebih efektif, berkesan dan mematuhi kehendak syariah.

**Kata kunci:** Pelaporan kewangan, masjid, E-MIMAS, NPO, patuh syariah

## ***(USER ACCEPTANCE OF E-MIMAS APPLICATION AMONG MOSQUE FINANCIAL ADMINSTRATORS: AN EXPLORATORY STUDY)***

### **Abstract**

*The financial management and reporting is essential for organizations and institutions including mosque which is entrusted to manage funds that they receive from the public. As an Islamic institution whose operation is not profit-oriented, an appropriate financial reporting approach for mosque is inevitable. An online repoting system (E-MIMAS) has been developed by a group of researchers from Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) to assist mosque to prepare financial report that is inline with its not-for-profit organizational objective. E-MIMAS system complies with syariah requirement in reporting the restricted fund and unrestricted fund separately. This exploratory study aims to identify the level of acceptance in using E-MIMAS among the mosque administrators. In this study, two mosques and one surau have been given access to the system for at least two months. After the periods interview sessions were conducted with the administrators to get their feedbacks on the use of E-MIMAS. The ease of online access through any devices, ease of use, and the segregation of restricted and unrestricted funds in the reporting, are the factors that contributes to their interest to continue using the system. The feedbacks also help the researchers to improve the system to ensure the use of E-MIMAS by other mosques in Malaysia would result in more efficient and effective financial reporting for the institution.*

**Keywords:** *Financial reporting, mosque, E-MIMAS, NPO, syariah compliant*

Received: January 10, 2022

Accepted: June 16, 2022

Online Published: June 30, 2022

### **1. Pendahuluan**

Menjadi kewajipan pada setiap organisasi yang menerima dan menguruskan sumber kewangan yang diperolehi untuk melaporkan aktiviti kewangan mereka kepada pemegang taruh yang mempunyai kepentingan terhadapnya. Institusi masjid dan surau tidak terkecuali apatah lagi sumber kewangan yang diuruskan oleh institusi ini datangnya daripada

---

sumbangan orang ramai. Tidak dinafikan bahawa sebahagian besar masjid dan surau telah mengamalkan pelaporan kewangan namun laporan yang dikeluarkan lebih mirip kepada bentuk laporan kewangan yang digunakan oleh organisasi perniagaan yang secara lazimnya beroperasi untuk memperolehi keuntungan. Institusi masjid dan surau adalah entiti yang melaksanakan aktiviti-aktiviti yang tidak bermotifkan keuntungan justeru, kaedah pelaporan kewangan perniagaan adalah tidak sesuai digunakan. Ketiadaan aplikasi perakaunan yang sesuai untuk institusi seperti ini telah menyebabkan pihak masjid dan surau terpaksa menggunakan pelbagai aplikasi perakaunan perniagaan yang ada di pasaran bagi membantu mereka menyediakan laporan kewangan. Menyedari isu ini, sekumpulan penyelidik dari Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) telah membangunkan satu aplikasi perakaunan berasaskan laman sesawang (*web-based*) yang dinamakan E-MIMAS sebagai aplikasi alternatif yang mematuhi kehendak shariah dan sesuai digunakan oleh institusi masjid dan surau. Pengasingan dana umum dan dana khusus dalam pelaporan yang dihasilkan oleh E-MIMAS mampu mengelakkan risiko shariah dalam pengurusan kewangan masjid dan surau. Kajian penerokaan ini bertujuan untuk memberi peluang kepada sekumpulan pentadbir kewangan masjid dan surau untuk menguji guna sistem E-MIMAS dan memperolehi maklumbalas kesediaan penggunaan daripada mereka terhadap sistem tersebut. Dengan menggunakan pendekatan temubual bersama pentadbir kewangan / bendahari masjid dan surau, kajian ini telah mengesan beberapa faktor yang menyumbang kepada kesediaan peserta kajian untuk menggunakan sistem E-MIMAS dalam merekod dan melaporkan aktiviti kewangan masjid dan surau. Melalui kajian ini juga komen dan cadangan penambahbaikan terhadap sistem E-MIMAS juga telah diperolehi dan ia penting bagi memastikan keberkesanan sistem ini dalam melaksanakan fungsi pelaporannya, seterusnya berpotensi untuk digunakan secara meluas oleh pihak masjid dan surau di Malaysia.

## **2. Sorotan Literatur**

### **2.1 Pengurusan Kewangan Masjid**

Pengurusan institusi umat Islam seperti masjid dan surau di Malaysia, adalah di bawah bidang kuasa Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) sepertimana yang diperuntukkan didalam Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan (Artikel 74 dan 77) (Ibrahim, 1997). Peruntukan ini memberi kuasa sepenuhnya kepada kerajaan negeri melalui MAIN untuk mentadbir dan mengurus masjid termasuklah tanah dan dana-dana yang dimiliki oleh institusi masjid. Sebagai contoh, kerajaan negeri Pahang telah meluluskan enakmen-enakmen negeri bagi mentadbir dan mengurus masjid-masjid seperti Seksyen 88 Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam 1991 Negeri Pahang yang menyatakan bidang Majlis Ugama Islam Negeri (MUIP) yang merupakan pemegang amanah masjid.

### **2.2 Sistem Perakaunan dan Pelaporan Kewangan Masjid Patuh Shariah (E-MIMAS)**

Dari aspek perakaunan masjid pula Norman et al., (2013) telah menegaskan tentang risiko Shariah dalam percampuran penggunaan dana umum dan khusus kesan penggunaan kaedah

---

perakaunan dan pelaporan sedia ada. Seterusnya adalah dicadangkan supaya perakaunan masjid sedia ada yang berasaskan perakaunan berasaskan perniagaan ditukar kepada perakaunan berasaskan dana. Perakaunan dana akan menghasilkan laporan kewangan yang akan menunjukkan pengasingan dana-dana yang diuruskan oleh organisasi. Setiap sumber pendapatan dan perbelanjaan akan dilaporkan berdasarkan dana-dana yang terlibat. Di samping memudahkan pemantauan dibuat ke atas prestasi penggunaan setiap dana, pengasingan sumber dan perbelanjaan dana ini mampu mengelakkan risiko shariah dalam percampuran penggunaan sumber dana yang berbeza.

Satu sistem perakaunan dan pelaporan kewangan masjid patuh shariah iaitu Electronic Model Imarah Masjid versi pertama (E-MIMAS 1.0) telah dibangunkan oleh kumpulan penyelidik IMARAH Universiti Sains Islam Malaysia. Sistem ini telah dibangunkan dengan mengadaptasi kaedah perakaunan dana dan Model Imarah Masjid (MIMAS) (Asharaf et al., 2014) bagi memastikan laporan kewangan masjid yang dihasilkan daripada sistem ini mematuhi garis panduan shariah terutama dalam aspek pengasingan pelaporan sumber dan penggunaan dana-dana yang diuruskan oleh masjid.

### 2.3 Model Penerimaan Teknologi atau *Technology Acceptance Model (TAM)*

*Technology Acceptance Model (TAM)* atau Model Penerimaan Teknologi telah dibangunkan oleh Davis (1989) dalam usaha untuk menjelaskan tahap kesediaan atau penerimaan seseorang individu terhadap satu-satu teknologi yang diperkenalkan. Model ini mencadangkan dua konstruk yang penting untuk mengukur tahap kesediaan pengguna iaitu jangkaan kegunaan (*perceived usefulness*) dan jangkaan kemudahan penggunaan (*perceived ease of use*). TAM telah digunakan secara meluas sebagai model penerimaan penggunaan teknologi di dalam konteks sistem maklumat (Plouffe et al., 2001).

### 2.4 Penerimaan Pengguna Terhadap Sistem

Kajian oleh Siraj & Shahul Hameed Mohamed (2008) menunjukkan masih terdapat kelemahan dalam amalan pengurusan kewangan masjid di seluruh Malaysia misalnya dari aspek sistem kawalan belanjawan di mana masjid tidak menyediakan belanjawan tunai sebagai rujukan pengurusan kewangan, tidak membuat laporan lengkap mengenai kutipan dan perbelanjaan dana sedekah dan sebagainya. Permasalahan seperti ini antaranya berpunca daripada latar belakang pengetahuan perakaunan di kalangan bendahari masjid itu sendiri Md Zain et al, (2020). Kajian kualitatif yang dilakukan oleh Md Zain et al., (2020) ke atas sebahagian masjid-masjid di Wilayah Persekutuan mendapati, kekurangan pengalaman, perbezaan latar belakang pendidikan dan jenis masjid menyumbang kepada kepelbagaian amalan perakaunan oleh masjid-masjid tersebut. Situasi tetap berlaku sekalipun Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) telah mengeluarkan Garis Panduan Perakaunan untuk Masjid dan Surau.

Di Perak, kajian oleh Mohd Yahya et al (2012) mendapati kaedah dan sistem perekodan wang keluar dan masuk yang digunakan oleh pihak masjid adalah tidak piawai. Kepelbagaian sistem yang digunakan boleh menghasilkan kualiti pelaporan yang berbeza antara satu masjid dengan yang lain. Justeru, keperluan terhadap satu sistem kewangan masjid yang piawai yang boleh digunakan oleh setiap masjid. Sistem Elektronik Perakaunan Masjid (EMAS) telah dibangunkan untuk menyelesaikan isu penggunaan sistem yang tidak piawai di Perak (Yahya et al., 2015). Sistem yang dibangunkan berasaskan Microsoft Excel ini telah diujicuba oleh 630 buah masjid di Perak dan hanya 24 peratus sahaja pengguna bersedia menggunakan sistem tersebut. Selebihnya tidak bersedia untuk menggunakan sistem EMAS disebabkan kekangan dari sudut kemahiran dan kelengkapan ICT, faktor umur dan lain-lain.

### 3. Kaedah Kajian

Kajian penerokaan ini mengadaptasi pendekatan kualitatif dalam mengumpulkan data untuk memahami tahap penerimaan pengguna terhadap sistem E-MIMAS. Kaedah temubual secara atas talian telah digunakan dengan melibatkan dua orang bendahari dan seorang penolong bendahari masjid dan surau. Maklumat berkaitan peserta kajian penerokaan adalah seperti berikut:

Pegawai	Jenis masjid/surau	Label
Bendahari	Masjid universiti	B-1
Bendahari	Surau taman perumahan	B-2
Penolong Bendahari	Masjid bandar	B-3

Kaedah persampelan bertujuan digunakan untuk memilih peserta kajian ini. Peserta dipilih daripada sejumlah pentadbir kewangan masjid yang bersedia menggunakan E-MIMAS secara ujicuba (*trial*). Pemilihan kategori masjid universiti, surau dan masjid dibuat bagi melihat kepelbagaian perincian pengurusan kewangan dan keperluan pelaporan setiap entiti tersebut. Ketiga-tiga peserta kajian telah diberikan akses untuk menggunakan aplikasi E-MIMAS untuk tempoh satu hingga dua bulan. Sepanjang tempoh tersebut, peserta kajian telah menggunakan sistem E-MIMAS untuk merekodkan semua transaksi kewangan masjid masing-masing. Selepas tempoh penggunaan, sesi temubual secara berasingan telah dilaksanakan bersama ketiga-tiga kategori peserta kajian bagi memahami tahap penerimaan mereka terhadap penggunaan sistem E-MIMAS.

### 4. Dapatan Kajian dan Perbincangan

#### 4.1 Kaedah dan sistem pelaporan kewangan semasa masjid

Secara umumnya, setiap masjid dan surau di Malaysia menerima sumbangan kewangan daripada ahli kariah atau pun orang awam. Tujuan sumbangan adalah pelbagai seperti sumbangan untuk program Ihya Ramadhan, kebajikan, pembangunan atau pun untuk tujuan yang bersifat umum. Lazimnya, ahli kariah atau pihak yang menyumbangkan dana ingin mengetahui bagaimana sumbangan tersebut digunakan oleh pihak masjid dan surau. Medium

---

penyampaian maklumat seperti ini yang lazim digunakan oleh mana-mana organisasi termasuklah masjid dan surau adalah melalui pelaporan kewangan yang berkala.

Apabila ditanya tentang latar belakang pengetahuan mereka berkaitan perakaunan, hanya peserta B-3 sahaja yang pernah terlibat dengan pelaporan kewangan untuk organisasi perniagaan. “... saya dulu pun buat akaun untuk business so yang itu saya gunakan..” (B-3). Peserta kajian B-1 dan B-2 memiliki pengetahuan asas Excel dan belajar menggunakan aplikasi perakaunan selepas dilantik sebagai bendahari masjid dan surau.

Dalam merekodkan dan menyediakan laporan kewangan, pelbagai kaedah digunakan oleh pihak masjid dan surau. Ini termasuk kaedah manual yang mencatat rekod kewangan dan melaporkan di dalam buku-buku tunai dan lejar, atau pun menggunakan aplikasi perakaunan berkomputer. Hasil temubual dengan peserta kajian penerokaan ini mendapati, aplikasi perakaunan berkomputer telah pun menjadi amalan mereka semua dalam menyediakan laporan kewangan masjid dan surau. Maklumbalas yang diberikan berkaitan amalan semasa adalah seperti berikut:

*“okay untuk makluman ahli kita sebelum ini menggunakan Mr. A. Sistem Mr.A ini kita guna pada tahun 2016 melalui cadangan Dato bendahari...” (B-1)*

*“...jadi sekarang saya pakai sistem E untuk saya punya laporan accounting untuk surau ni...” (B-2)*

*“Sebelum ni kami gunakan business accountinglah..kita integrate pada manual, maksudnya gunakan dua-dua sekali....(kami gunakan) sistem W, tapi sekarang ni dah terminate business dia di Asian region ni.” (B-3)*

Merujuk kepada kaedah atau pendekatan perakaunan yang diadaptasi melalui sistem tersebut, peserta kajian mengakui bahawa pendekatan perakaunan yang ditawarkan oleh sistem tersebut lebih kepada perakaunan untuk organisasi perniagaan.

*“Sistem Mr A ni memang sistem untuk mana-mana company nak buat untuk buat pelaporan kewangan dia.” (B-1)*

Penggunaan aplikasi perakaunan boleh memudahkan kerja-kerja perekodan dan pelaporan kewangan oleh pihak masjid dan surau. Rekod kewangan dapat disimpan dengan lebih teratur dan pelaporan adalah lebih efektif. Walau bagaimana pun, kebanyakan aplikasi perakaunan yang berada di pasaran direka dengan mengadaptasi pendekatan perakaunan perniagaan. Aplikasi seperti Mr. A, sistem W, dan sistem U lebih sesuai digunakan oleh organisasi perniagaan yang berasaskan keuntungan. Sifat pelaporan dalam aplikasi ini menekankan lebihan keuntungan yang diperolehi daripada perbandingan jumlah pendapatan dan perbelanjaan.

*“Dia (sistem W) ni lebih pada business lah.” (B-3)*

---

Dalam konteks sumbangan orang ramai yang diterima, pihak masjid dan surau lazimnya membezakan niat sumbangan tersebut melalui jenis tabung yang pelbagai. Ada tabung yang bertujuan umum dan ada juga yang bertujuan khusus. Peserta kajian menjelaskan bahawa aplikasi yang mereka gunakan selama ini tidak boleh melaporkan sumber pendapatan dan perbelanjaan mengikut kepelbagaian tabung. Sekiranya laporan sedemikian perlu disediakan, pengguna aplikasi terpaksa memproses data tersebut secara manual.

*“...amat-amat sesuaiilah sebab dia punya patuh syariah yang kita boleh pembahagian dana itu pun memang clear daripada Mr.A..” (B-1)*

*“di Mr. kita boleh key in yang itu sahaja kita tak boleh decide kutipan solat jumaat itu dana mana maksudnya sekarang ini kita tak boleh decide itu dana umum ke itu dana khusus untuk solat jumaat sahaja ke kita tak ada..” (B-1)*

*“Bila kita nak dapatkan berapa dana yang tinggal tu, kena extract sendirilah..balance2 tu kan..” (B-3)*

*“dalam sistem lama tu dia ada juga breakdown dana macam dana pembangunan, ada breakdown tapi saya kena buat manual, saya taip manual..” (B-2)*

Keadaan ini menyebabkan kerja-kerja memproses data terpaksa dilakukan dengan menggunakan beberapa aplikasi yang berasingan sebagai contoh Mr. A bagi pelaporan umum dan sistem E untuk pelaporan yang lebih terperinci. Pemindahan data dari satu aplikasi ke aplikasi yang lain merumitkan kerja-kerja penyediaan laporan kewangan tersebut. Peserta B-2 mengakui perkara ini apabila dia berkata; *“dalam manual boleh buat tapi leceh saya nak buat..”* Kerumitan seperti ini menyebabkan beliau mencari-cari satu sistem lain yang bukan sahaja boleh menghasilkan laporan kewangan sebagaimana yang lazim tetapi juga mampu menghasilkan laporan terperinci berdasarkan dana.

Berdasarkan data empirikal di atas, penggunaan sistem perakaunan sedia ada yang digunakan oleh pihak masjid dan surau boleh membantu menyediakan laporan kewangan yang lazim dilaporkan oleh organisasi perniagaan. Fokus laporan yang dihasilkan lebih kepada memaparkan lebih pendapatan selepas ditolak dengan jumlah perbelanjaan secara umum. Institusi masjid dan surau mempunyai objektif pengurusan dana yang berbeza dengan organisasi perniagaan. Pengurusan sumber dana dan tujuan perbelanjaan dana yang pelbagai memerlukan pelaporan yang berasingan mengikut dana-dana tersebut. Aplikasi perakaunan yang digunakan oleh ketiga-tiga peserta kajian penerokaan ini tidak boleh menghasilkan laporan yang memaparkan maklumat dana secara berasingan. Peserta kajian dilihat mengalu-alukan kewujudan fungsi pelaporan tersebut dalam aplikasi perakaunan bagi memudahkan kerja-kerja perekodan dan pelaporan.

#### 4.2 Penggunaan E-MIMAS sebagai sistem pelaporan kewangan masjid

#### 4.2.1 Penggunaan yang mudah

Hasil kajian penerokaan ini menemukan pelbagai maklumbalas daripada ketiga-tiga pengguna E-MIMAS selepas mereka menggunakannya. Salah satu perkara yang disebut oleh para peserta kajian ialah tentang cara penggunaannya yang mudah. Peserta B-2 berkata; *“Saya tengok penggunaan sistem ini okay, dia simple...pakai seminggu lepas tu dah biasa”*. Di sini beliau menegaskan bahawa penggunaan sistem E-MIMAS mudah dipelajari dalam masa yang singkat, sekalipun bagi individu seperti beliau yang tidak mempunyai sebarang latar belakang pengetahuan tentang perakaunan.

Peserta B-2 juga turut berpandangan bahawa kewujudan E-MIMAS sebagai sistem perakaunan secara atas talian memudahkan pihaknya untuk berkongsi akses kepada sistem dengan ahli jawatankuasa masjid yang lain.

*“...saya pun tak nak menyusahkan dia orang tak nak menyusahkan saya kan bila dia orang nak dia kena telefon saya saya pun kena hantarkan jadi kita bagi dia ID kau tengoklah sendiri itu...” (B-2)*

Memandangkan jawatan bendahari akan bertukar tangan, peserta B-2 mengakui kewujudan sistem E-MIMAS boleh memudahkan beliau menyerahkan tugas penyediaan laporan kewangan suraunya kepada bendahari yang baru.

*“.. kalau sistem ini bagus bila kita hand over esok di guna saya pun senang tak payah hand over file semua jadi itulah salah satu objektif saya nak cuba sistem ini..” (B-2)*

Perkara yang sama juga turut disebut oleh peserta B-3. Beliau mahu sistem yang mudah difahami dan digunakan oleh pengganti beliau nanti.

*“kalau boleh saya nak benda ini smooth maksudnya ada orang boleh continue benda ini sebab sebelum apa-apa baik kita prepare dulu”(B-3)*

#### 4.2.2 Format pelaporan lebih jelas

Sistem E-MIMAS dibangunkan dengan konsep perakaunan dana, di mana pendapatan dan perbelanjaan semua jenis dana yang disumbangkan oleh orang ramai dan organisasi luar akan dilaporkan dalam ruangan yang berbeza. Ketiga-tiga peserta kajian teruja dengan konsep yang diterapkan dalam sistem E-MIMAS ini kerana ia menepati kaedah semasa pengurusan kewangan masjid yang mempunyai sumber dana yang pelbagai.

*“...dari segi laporan penyata pendapat ini pun dah jelas sebab kita nampak baki awal dana berapa baki akhir..” (B-3)*

---

*“..tapi yang sini (E-MIMAS) dia automatik dia akan kutip dana dan masukkan dana itu jadi bila kita buat kita tahu la berapa itu semua lepastu dia punya pecahan-pecahan dia itu dia lebih sedikit, ...” (B-2)*

Mereka berpandangan pengasingan maklumat mengikut dana-dana yang wujud di masjid dan surau lebih memudahkan pemahaman bagaimana setiap sumber dana tersebut dibelanjakan. Berbanding aplikasi perakaunan semasa yang digunakan selama ini, perincian seperti ini tidak dapat dihasilkan oleh aplikasi tersebut. Seperti yang mereka maklumkan sebelum ini perincian perbelanjaan ikut dana dilakukan secara manual atau dengan menggunakan aplikasi yang berasingan seperti Excel.

Usaha untuk mendapatkan maklumat berkaitan maklum balas ahli kariah terhadap kaedah pelaporan kewangan masjid dan surau yang dihasilkan melalui aplikasi E-MIMAS tidak berjaya. Walaupun telah merekodkan transaksi kewangan masjid dan surau menggunakan E-MIMAS, namun menurut ketiga-tiga peserta kajian, laporan dalam format E-MIMAS masih belum dipaparkan kepada ahli kariah. Bagi peserta B-2, beliau menyatakan pihak surau belum memberi kata putus samada mahu memaparkan laporan E-MIMAS yang membuat pengasingan mengikut dana-dana tertentu.

*“...mesyuarat itu hari kita tak ada hajat untuk bagi ahli kariah ini access walaupun boleh bagi tapi kita tak nak bagi dia access kita reporting macam biasa 3 bulan sekali..”(B-2)*

Menurut beliau, buat masa ini laporan yang dipaparkan kepada umum masih dalam format yang lama tanpa perincian pengasingan mengikut dana. Peserta B-1 beranggapan pelaporan E-MIMAS mudah untuk difahami oleh orang awam.

*“dari segi pemahaman untuk jemaah kalau kita buat report untuk dipamerkan untuk orang awam dia lebih ini memang menurut cita rasa orang yang mudah faham maksudnya jemaah mudah faham” (B-1)*

Peserta B-3 juga tidak dapat menjelaskan maklum balas daripada ahli kariah berkenaan pelaporan yang dihasilkan melalui E-MIMAS kerana ia belum lagi dipaparkan kepada umum. Menjawab persoalan tersebut beliau berkata;

*“ahli kariah itu saya tak pasti pula komennya sebab bila kita dalam accounting ini kita rasa macam report ini senang baca tapi saya tak pasti orang yang tak ada basic account dia rasa macam..” (B-3)*

Beliau beranggapan bahawa bentuk laporan E-MIMAS itu penting untuk dilaporkan kepada ahli kariah kerana ia lebih jelas berbanding bentuk laporan kewangan yang lama.

*“memang kena inform kepada kariah daripada kita dapatkan dana itu dan kemana kita akan salurkan..” (B-3)*

---

Apabila setiap sumber dana dan bagaimana setiap dana dibelanjakan dilaporkan secara berasingan dan jelas, ia dapat mengelakkan pihak masjid atau surau daripada sentiasa dipersoalkan oleh ahli kariah tentang ketelusan mereka dalam menggunakan dana sumbangan orang ramai. Peserta B-3 dan B-1 berkata:

*“kadang-kadang ahli kariah ini kata masjid banyak duit dalam account ada 200 ribu lebih jadi kenapa asyik nak minta duit bila nak buat apa-apa, dia tak faham yang kita ada dana maksudnya dana-dana itu bergantung kepada niat jemaah sama ada dana itu untuk apa untuk bangunan tambahan ke ataupun untuk asnaf ke lepas tu dana umum untuk kita bayar gaji,...” (B-3)*

*“Kita boleh bezakan dana itu dana mana macam encik bagitahu tadilah sebab dalam Mr.Accounting kita tak boleh bagi tahu, kita just boleh bagi tahu ini kutipan solat Jumaat. Kita tak boleh kata kutipan solat jumaat itu dia ada. Satu lagi term besar itu dana umum tak ada, jadi orang boleh faham kalau duit kebajikan kita tak ada orang boleh faham. Kalau dalam Mr.Accounting kalau duit kebajikan kita tak ada orang tak faham..” (B-1)*

*“di E-MIMAS di memang perkhurusan dari segi pendapatan tak ada isu sangat dari segi perbelanjaan, dari segi perbelanjaan apa-apa dana yang kita guna maksudnya kalau kita perbelanjaan itu pelbagai jadi kita letak dekat pelbagai..” (B-1)*

Kenyataan yang diberikan oleh peserta B-1 dan B-3 menunjukkan bahawa mereka benar-benar faham konsep pengurusan dana-dana masjid dan surau yang perlu diambil berat oleh pihak pengurusan bukan sahaja dari segi amalan penggunaan dana-dana yang pelbagai tetapi juga dari segi pelaporan.

#### 4.2.3 Isu-isu untuk ditambahbaik

Sepanjang tempoh menggunakan sistem E-MIMAS peserta-peserta kajian telah mengenalpasti beberapa isu teknikal yang perlu diperbaiki. Mereka berpandangan isu-isu teknikal yang wujud dalam sistem E-MIMAS perlu ditambahbaik dengan segera supaya aplikasi perakaunan atas talian ini dapat berfungsi dengan sempurna. Peserta B-2 berkata: *“..sekarang pun boleh dibetulkan benda-benda penting, urgent-urgent itu kena buat macam tukar kata laluan itu penting”*. Isu berkaitan format laporan tunai dan bank turut dibangkitkan oleh peserta B-3. Beliau menyatakan keperluan untuk pemisahan nilai tunai dan bank dilakukan dalam laporan ringkas E-MIMAS.

*“..kita kena segregate bank itu yang bawah ini, jadi January February march kita kena segregate jadi total dia sama tak dekat report ini tiap bulan so jadi macam saya tak ada masalah tentang ini cuma bila kena nak serah tugas sebab saya ada plan untuk serah tugas ini jadi nanti saya risau ada masalah dekat situ nanti..” (B-3)*

---

Peserta B-1 mengetengahkan isu penyisihan data di dalam E-MIMAS;

*“setakat ini komen yang kita terima ialah dia punya laporan itu tak boleh daripada bulan berapa kepada bulan berapa..” (B-1)*

Di samping itu, peserta kajian juga turut mencadangkan beberapa penambahbaikan terhadap aplikasi E-MIMAS. Antaranya seperti yang dinyatakan oleh peserta B-3 seperti berikut:

*“jadi kalau kita boleh extract dari bank maksudnya daripada bank itu kita ambil excel lepas tu kita terus extract ke dalam sistem lagi bagus..” (B-3)*

Beliau menegaskan bahawa fungsi yang mampu memindahkan data terus daripada penyata yang dikeluarkan oleh pihak bank ke dalam E-MIMAS adalah satu ciri yang boleh memberi daya saing yang tinggi buat E-MIMAS berbanding aplikasi perakaunan yang lain.

*“..ini sebabnya kalau macam yang menyebabkan sistem ini boleh jual ke tak boleh jual sebab kalau tidak dia sama sahaja macam sistem yang lain..” (B-3)*

Peserta B-2 juga mengesyorkan agar aplikasi E-MIMAS sentiasa melihat keperluan pelaporan yang dikehendaki oleh pihak Jabatan Agama Islam negeri-negeri. Ini bagi memastikan laporan yang dikeluarkan oleh E-MIMAS sesuai dengan garis panduan pelaporan kewangan masjid dan surau yang telah ditetapkan oleh Jabatan Agama Islam negeri-negeri. Keperihatinan B-2 dalam isu ini dapat dilihat menerusi kenyataan beliau;

*“..apa yang saya tengah buat ini jadi tak ada masalah saya bagi tahu saya punya pihak pengurusan JAIS nak apa, JAIS nak laporan, laporan dia itu kalau ada apa yang dia nak dalam laporan itu okaylah kalau apa yang dia nak itu tak ada, itu masalah. Kita jadi garis panduan itu menyatakan benda itu dia nak, lepas tu saya tengok sistem (E-MIMAS) dia ada, jadi apa masalahnya...” (B-2)*

Apabila ditanya samada pihak masjid dan surau akan terus menggunakan aplikasi E-MIMAS untuk tujuan merekod dan melaporkan kewangan masjid dan surau, semua peserta kajian menyatakan kesediaan mereka secara positif.

*“Tak apa nanti bulan 10 kalau tuan cakap dah ready apa yang saya feedback dah ready saya akan.. tapi mulai bulan 10 saya akan pakai sistem ini sebelum bulan 10 ini saya akan transfer duit untuk bayar melanggan untuk setahun nanti apa-apa hal lagi saya feedback melalui email..” (B-2)*

Peserta B-3 juga menyatakan kesediaan pihak masjid untuk melanggan sistem E-MIMAS sebagaimana katanya:

---

*“Alhamdulillah puas hati dengan sistem ini..” (B-3)*

Data empirikal daripada temubual ini menjelaskan wujudnya perbezaan E-MIMAS dengan aplikasi-aplikasi perakaunan yang lain yang lazim digunakan oleh pihak masjid dan surau. Perbezaan tersebut telah menjadi faktor utama pihak masjid dan surau di dalam kajian penerokaan memilih untuk terus menggunakan aplikasi E-MIMAS. Salah satu ciri yang membezakan E-MIMAS dengan aplikasi perakaunan yang lain ialah aplikasi ini boleh digunakan secara atas talian tanpa perlu dimuat turun dan dipasang ke dalam komputer peribadi pengguna. Sistem seperti ini membolehkan penggunaannya dilakukan melalui semua jenis peranti seperti komputer, tablet dan juga telefon pintar.

Mudah untuk digunakan oleh individu yang tidak mempunyai latar belakang perakaunan juga merupakan satu ciri E-MIMAS yang diketengahkan oleh peserta kajian. Paparan dan fungsi yang mudah dipelajari di dalam E-MIMAS telah direka untuk memudahkan pengguna mengisi data-data kewangan. Ini merupakan ciri yang sangat diambil berat oleh peserta kajian memandangkan rata-rata bendahari masjid dan surau bukan berlatar belakang perakaunan.

Fungsi E-MIMAS yang boleh melaporkan maklumat pendapatan dan perbelanjaan secara berasingan mengikut dana umum dan dana-dana khusus telah menarik perhatian peserta kajian. Mereka bersetuju bahawa format laporan E-MIMAS lebih jelas dalam menggambarkan bagaimana dana-dana yang disumbangkan oleh orang ramai diuruskan oleh pihak masjid dan surau. Pihak pengurusan masjid dan surau mungkin secara umumnya memahami keperluan mematuhi asas shariah dalam membelanjakan dana umum dan dana khusus, namun tanpa sistem pelaporan yang sesuai, telus dan jelas, ahli kariah mungkin akan terus mempersoalkan cara pihak masjid dan surau menguruskan dana-dana tersebut.

Peserta kajian turut menyetujui beberapa isu teknikal dan cadangan penambahbaikan yang perlu dilakukan terhadap E-MIMAS. Isu-isu dan cadangan yang dibangkitkan oleh peserta sebagai pengguna E-MIMAS menjelaskan bahawa masih lagi terdapat ruang-ruang yang boleh ditambahbaik ke dalam aplikasi. Ini bagi membolehkan ia diterima pakai oleh lebih ramai pengguna dan diiktiraf oleh Jabatan Agama Islam negeri-negeri yang merupakan badan autoriti di mana maklumat kewangan masjid dan surau perlu dilaporkan secara berkala.

## **5. Penutup**

Penggunaan sistem atau aplikasi perakaunan yang sesuai untuk institusi masjid dan surau adalah amat penting bagi memastikan pengurusan dan pelaporan kewangan dalam institusi ini dapat dilaksanakan dalam kerangka patuh shariah. Sistem E-MIMAS menawarkan kaedah pelaporan yang memenuhi kehendak shariah di mana perekodan dan pelaporan kewangan mampu mengasingkan sumber dan perbelanjaan mengikut dana umum dan dana-dana khusus. Kajian penerokaan yang melibatkan temubual bersama tiga pegawai kewangan masjid dan surau menemukan beberapa faktor yang menentukan kesediaan mereka untuk

---

menggunakan sistem E-MIMAS. Kemudahan untuk akses secara atas talian dengan pelbagai jenis peranti, mudah digunakan dan pelaporan dana secara berasingan adalah antara faktor yang menyebabkan peserta kajian berminat untuk terus menggunakan sistem tersebut. Memandangkan aplikasi E-MIMAS baru sahaja memasuki pasaran, penambahbaikan yang sesuai perlu dilakukan supaya isu-isu yang berkaitan dengan teknikal dapat diselesaikan. Ini bagi menjamin keberkesanan sistem E-MIMAS dalam membantu pihak masjid dan surau menyediakan laporan kewangan yang telus, jelas dan patuh syariah kepada pemegang taruh seperti Jabatan Agama Islam negeri-negeri, ahli kariah dan orang ramai.

## RUJUKAN

- Davis, F. D. (1989). Perceived Usefulness, Perceived Ease of Use, and User Acceptance of Information Technology. *MIS Quarterly*, 13(3), 319–340.  
<https://doi.org/10.2307/249008>
- Ibrahim, A. (1997). *Pentadbiran undang-undang Islam di Malaysia*. IKIM.  
<https://books.google.com.my/books?id=kZs3AAAAMAAJ>
- Md Zain, S. R., Samad, R. noRita abd, Samsudin, M. M., & Armia, R. N. (2020). The Dynamics of Accounting Practices and Accountability in the Selected Mosques in Federal Territory. *Islāmiyyāt*, 42, 81–89.
- Asharaf, M. R., Jalil, A., Hamdan, N., Haris, A., & Mohd, A. (2014). Fatwa-Fatwa Berkaitan Pengurusan Ekonomi dan Kewangan Masjid. *مجلة إدارة و بحوث الفتاوى*, 4, 91–111. <https://doi.org/10.12816/0010036>
- Norman, H., Asharaf, M. R., Abdullaah, J., & Asmaddy, H. (2013). Accounting for Waqf Institutions: A Review on the Adaptation of Fund Accounting in Developing the Shariah - Compliant Financial Reports for Mosque. *World Universities' Islamic Philanthropy Conference 2013 (WIPCON 2013, 2013(December)*.
- Plouffe, C. R., Hulland, J. S., & Vandenbosch, M. (2001). Research Report: Richness Versus Parsimony in Modeling Technology Adoption Decisions - Understanding Merchant Adoption of a Smart Card-Based Payment System. *Information Systems Research*, 12(2), 208–222. <https://doi.org/10.1287/isre.12.2.208.9697>
- Siraj, S. A., & Shahul Hameed Mohamed, I. M. S. (2008). Pengurusan Kewangan: Mempamerkan Akauntabiliti Masjid. In M. I. Mustari & K. A. Jasmi (Eds.), *Pengurusan Berkualiti Memacu Kecemerlangan Pengurusan Masjid* (1st ed., p. 67). Universiti Teknologi Malaysia.
- Yahya, M., Hussin, M., Muhammad, F., Hassan, M., Razak, A. A., & Fadly, N. (2015). Aplikasi teknologi sistem perakaunan untuk penjanaan ekonomi masjid. *Geografia : Malaysian Journal of Society and Space*, 11(2), 55–63.